

**Shah Alam:** Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dukacita dan kecewa mendengar perkembangan terbaharu mengenai operasi penangkapan anjing berkeliaran di negeri Selangor khususnya.

Menurut kenyataan Selangor Royal Office, Tengku Permaisuri Norashikin sudah berkali-kali meneckakan baginda amat tidak bersetuju dengan pendekatan tangkap dan lopus dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuk yang tular membabitkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

“Saya percaya banyak lagi kaedah lain yang boleh diguna pakai untuk membendung masalah ini ter-

## OPERASI TANGKAP ANJING LIAR

# Tengku Permaisuri Selangor tak setuju cara pendekatan

masuk pemandulan.

“Sebagai Penaung Diraja bagi kempen Stray Free Selangor (SFS) di bawah SPCA Selangor, saya mahu PBT memperinci semula pendekatan baharu yang lebih holistik dalam menguruskan anjing-anjing terbiar ini,” titah baginda dalam kenyataan itu, semalam.

Tengku Permaisuri Norashikin menzahirkan perkara itu susulan isu yang tular di media sosial berhubung pelaksanaan task force dan penangka-

pan anjing berkeliaran oleh MBSA.

Menurut kenyataan itu, sebelum ini baginda pernah mencadangkan agar usaha memelihara kebajikan dan mengurangkan bilangan haiwan terbiar ini dipergiat menerusi kempen *Create Caring and Compassionate Communities* (CCC).

Kempen CCC antaranya menggariskan beberapa inisiatif utama membabitkan kerjasama di antara PBT dengan SPCA dalam mengendalikan sesi-sesi

Responsible Pet Ownerships (RPO) bersama penduduk.

“Ini termasuk mendapatkan khidmat nasihat dan pemantauan daripada SPCA dan NGO sekiranya wujud keperluan untuk melupuskan haiwan-haiwan terbiar ini di atas sebab kesihatan atau sebagainya.

“Saya ingin mencadangkan selain daripada program pemandulan haiwan yang lebih meluas, PBT boleh mewujudkan rumah perlindungan haiwan ter-

biar bagi setiap taman perumahan dengan kerjasama penduduk-penduduk yang sayangkan haiwan.

“PBT juga wajar mewajibkan pemaju perumahan untuk membina atau menyediakan pusat perlindungan seumpamanya,” titah baginda.

Tengku Permaisuri Norashikin bertitah, ketika ini SPCA Selangor bersama Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia, Persatuan Perubatan Veterinar Malaysia dan Persatuan Veterinar Haiwan Kesayangan Malaysia giat mengadakan program pemandulan kucing dan anjing, Potong-Royong.

“Sejak dimulakan pada Mac 2023, sejumlah 1,626

haiwan dimandulkan menerusi program ini sebagai usaha mengurangkan populasi haiwan terbiar.

“Saya juga berpendapat sudah tiba masa untuk pihak berwajib meneliti semula Pekeling Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) Bilangan 5 Tahun 2014 mengenai Tatacara Operasi Piawaian (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan agar lebih relevan dengan situasi semasa.

“Saya benar-benar berharap usaha-usaha untuk menjaga kebajikan haiwan terbiar ini akan berterusan dan tidak sekadar melepas batuk di tangga sahaja,” titah baginda.